



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 16/1970

Kuatkuasa Yang Diberi Oleh Surat-surat Kuasa

Adapun tujuan Pekeliling ini ialah untuk menarik perhatian Pendaftar-pendaftar kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Surat Kuasa 1949, dan Undang-undang Simpanan Melayu yang digunakan di dalam beberapa negeri mengenai kuatkuasa yang diberi oleh Surat-surat Kuasa dan juga mengenai satu kes di mana satu Surat Kuasa memberi kuasa kepada orang yang memegang kuasa untuk melantik seorang ganti kepadanya.

2. Seksyen 6(1)(b) di dalam Undang-undang Surat Kuasa 1949 memperuntukkan bahawa satu-satu perbuatan pemegang kuasa yang diberi melalui surat kuasa yang tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik adalah sah dan kedudukannya tetap seolah-olah kematian pemberi kuasa tidak berlaku. Dengan adanya peruntukan ini, satu Suratcara yang ditandatangani oleh seorang pemegang kuasa yang demikian adalah sah sungguhpun pemberi kuasa telah mati. Prinsip ini adalah dipakai di dalam seksyen 292(4) Kanun Tanah Negara yang memperuntukkan bahawa satu-satu Suratcara adalah sah dan boleh diterima untuk dimasukkan ke dalam Buku Peralihan sungguhpun orang yang menandatangani Suratcara itu ataupun orang yang bagi pihaknya Suratcara itu telah ditandatangani telah mati.

3. Pendaftar-pendaftar adalah juga dinasihatkan supaya merujuk kepada seksyen-seksyen berikutan di dalam Undang-undang Simpanan Melayu yang menyatakan bahawa Surat-surat Kuasa yang diberi kepada seorang yang bukan Melayu tidaklah ada kuatkuasanya ataupun terhad kuatkuasanya itu kepada satu-satu tempoh yang ditetapkan:

- (i) Malay Reservation Enactment - F.M.S. Cap. 142
Sec. 9
- (ii) “ “ “ - Kelantan 18/30
Sec. 8
- (iii) “ “ “ - Kedah No. 63
Sec. 10
- (iv) “ “ “ - Terengganu 17/1360
Sec. 12
- (v) “ “ “ - Johor 1/1936
Sec. 10
- (vi) “ “ “ - Perlis 7/1353
Sec. 10

4. Surat-surat Kuasa mungkin mengandungi satu syarat seperti yang disebutkan di bawah ini untuk memberi kuasa kepada pemegang kuasa itu bagi melantik seorang ganti:

“Dan juga dari masa ke semasa mengganti dan melantik orang-orang lain melakukan perbuatan bagi pihak orang yang memegang Surat Kuasa saya ini di dalam semua atau mana-mana perkara yang tersebut di atas, dan dari masa ke semasa tiap-tiap ganti itu akan dibatalkan mengikut suka hatinya.”

Seorang ganti yang dilantik tidaklah berkuasa melantik seorang ganti yang lain. Umpamanya jika 'A' sebagai seorang pemegang kuasa, memberi kuasa kepada 'B' dengan melantik 'B' sebagai seorang ganti, adalah tidak betul bagi 'A' memberi kuasa kepada 'B' untuk melantik 'C' sebagai seorang ganti.

Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh 'B' bagi melantik 'C' sebagai gantinya adalah dianggap telah melebihi kuasa-kuasa yang diberi kepada 'A' oleh si pemberi kuasa yang asal.

5. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah No. 8/38 dan 1/51 dengan ini adalah ditarik balik dan dibatalkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 95/70(25)

Kuala Lumpur,
26hb November, 1970